

FORUM BERSAMA CEO PERTAMA GALAKKAN KERJASAMA SELATAN- SELATAN DI KALANGAN DFI



Bernama Media – Sun, Nov 11, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADFIAP) dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan di Afrika (AADFI) akan menganjurkan Forum Bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang julung kalinya pada 13–16 November, 2012 di Johannesburg, Afrika Selatan.

Forum empat hari itu akan menjadi sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama serantau antara DFI di Afrika, Asia dan Pasifik. Pengerusi Bersama forum itu, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad berkata kedua-dua ADFIAP dan AADFI telah bekerjasama dalam pembinaan keupayaan, promosi pelaburan dan sokongan bagi pembiayaan pembangunan yang mampan sejak 2010.

“Ini adalah sejajar dengan semangat kerjasama yang dipupuk oleh kedua-dua organisasi ini bagi menganjurkan Forum Bersama CEO untuk mengeratkan lagi usaha sama di kalangan CEO dan pihak pengurusan kanan DFI antara kedua-dua benua ini,” kata Wan Azhar dalam satu kenyataan hari ini.

“Malaysia telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah ADFIAP yang pertama bagi program pembelajaran pemantauan pada 2010 bagi membolehkan DFI Afrika mempelajari daripada kejayaan DFI,” katanya, yang juga Pengarah Urusan, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Wan Azhar juga merupakan Pengerusi ADFIAP dan Pertubuhan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Dunia (WFDFI). Forum Bersama Ketua Pegawai Eksekutif ini adalah kemuncak kepada Memorandum Usaha sama yang dimeterai antara ADFIAP dan AADFI pada 2010 yang bermatlamat untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua badan dunia itu bagi mempromosikan pembiayaan pembangunan yang mampan.

Dengan termeterainya perjanjian tersebut, kedua-dua organisasi berkenaan dapat menyediakan pelbagai peluang kerjasama serta meluaskan rangkaian perniagaan serta berkongsi pengalaman berkenaan amalan terbaik dan kejayaan di kalangan DFI di benua itu.

Tema bagi Forum Bersama Ketua Pegawai Eksekutif ini adalah "Menggalakkan Usaha sama Selatan-Selatan Antara Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Melalui Rantaian Nilai Pembiayaan Di Afrika, Asia Dan Pasifik."

"Konsep serta model rantaian nilai pembiayaan telah diguna pakai pada peringkat global sebagai salah satu penyelesaian kepada kekangan pembiayaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS)."

"Model tersebut berjaya menangani masalah pembiayaan PKS di rantau Asia Pasifik dan memberi manfaat kepada perusahaan kecil dan besar dalam model rantaian berkenaan."

"Oleh kerana kebanyakan DFI adalah milik kerajaan, mandat pembangunan lazimnya melibatkan penyediaan kemudahan kewangan jangka panjang bagi sektor tertentu yang dianggap amat penting oleh kerajaan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara," kata Wan Azhar.

Katanya cabaran bagi DFI adalah untuk meneruskan kesinambungan mandat pembangunan PKS dengan mengadaptasikan mekanisme pembiayaan baharu dan berinovatif serta mematuhi standard piawaian antarabangsa bagi pengurusan risiko dan tadbir urus.

"Peranan sebagai pemangkin serta "pengisi jurang kekosongan" bagi pembangunan menandakan betapa pentingnya DFI," katanya. Agenda utama bagi Forum Bersama CEO adalah Bengkel Bersama yang akan diadakan mulai 14 Nov.

Topik bengkel itu adalah "Meningkatkan Daya Saing Eksport Melalui Promosi Rantaian Nilai Kewangan". Antara lain bengkel itu bertujuan mewujudkan platform bagi DFI serta pihak-pihak berkepentingan membincangkan cabaran yang dihadapi dalam memupuk kesepaduan PKS terhadap nilai rantaian pembiayaan global dari segi perspektif rantau Afrika dan Asia Pasifik.

Selain bengkel itu, turut dianjurkan serentak dengannya adalah mesyuarat perniagaan dan forum jalinan usaha sama serta pameran produk-produk dan perkhidmatan oleh DFI dan institusi-institusi kewangan. Mesyuarat Lembaga Pengarah Eksekutif juga akan diadakan pada 15 November sebagai penutup bengkel berkenaan serta merumuskan hasil perbincangan forum berkenaan.

Kira-kira 200 delegasi terdiri daripada CEO dan eksekutif pengurusan kanan DFI, pihak berkuasa penyeliaan serta agensi-agensi kerajaan, bank-bank pusat, Kementerian Kewangan, bank-bank komersil, syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat PKS dan pihak berkepentingan di rantau Afrika, Asia dan Pasifik dijangka menghadiri forum itu.

Forum CEO itu, yang memasuki tahun ke-sembilan, bermula dengan usaha kerjasama antara ADFIAP dan Persatuan DFI Malaysia (ADFIM) pada 2004.

Tiga Forum CEO yang pertama diadakan di Malaysia dengan sokongan ADFIM, diikuti oleh Thailand (2007), Malaysia (2008), Filipina (2009), Kemboja (2010) dan Bhutan (2011).

-- BERNAMA

MAS AS AHM